

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
[AMPANG]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10035**

**SOALAN:**

**Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada pihak Jabatan Penjara Malaysia menjejaki setiap bekas banduan khususnya wanita mengenai status pekerjaan mereka, berapakah yang berjaya mendapat pekerjaan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Penjara tidak merekodkan status pekerjaan banduan yang telah dibebaskan termasuk dalam kalangan banduan wanita. Walau bagaimanapun, Jabatan Penjara mempunyai rekod banduan yang terlibat dalam program kemahiran yang disediakan semasa banduan menjalani hukuman pemenjaraan. Berdasarkan rekod Jabatan Penjara sehingga Julai 2017, seramai 13,403 orang banduan yang telah berjaya memperolehi sijil kemahiran dalam 48 bidang kemahiran dan diberikan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM-SLDN) hasil perkongsian strategik dan *smart partnership* dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), manakala 6 bidang kemahiran dalam industri pembinaan dan diberikan Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK-CIDB) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan juga Sijil Asas Kemahiran dalam bidang perniagaan dan keusahawanan hasil kerjasama dengan Agensi Kerajaan seperti MARDI, MARA dan Jabatan Pertanian.